

21 NOV 2001

Agong-Rangkuman

NEGARA BERKABUNG SEMINGGU DENGAN KEMANGKATAN SULTAN SALAHUDDIN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Negara berkabung selama seminggu dengan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Pusat Rawatan Gleneagles Intan di sini, hari ini.

Seri Paduka yang berusia 75 tahun, menghembuskan nafas terakhir pada 11.57 pagi, setelah lima hari berada dalam keadaan kritikal dan terpaksa menggunakan alat bantuan penafasan dan mesin dialisis. Seri Paduka gering selama dua bulan kerana masalah jantung.

Kemangkatan Seri Paduka diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi siaran langsung RTM ke seluruh negara pada 1.55 petang ini.

Kerajaan mengisytiharkan tempoh berkabung selama tujuh hari mulai hari ini dengan bendera dikibarkan separuh tiang. Semua acara rasmi kerajaan hari ini dan esok dibatalkan.

Bagi memberi peluang kepada rakyat menziarahi jenazah Almarhum di Istana Negara, kerajaan mengisytiharkan esok sebagai cuti umum.

Kerajaan Selangor pula mengisytiharkan tempoh berkabung selama 40 hari sebagai menghormati Sultan Salahuddin, yang juga Sultan Selangor selama 41 tahun.

Upacara memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Sultan Salahuddin akan berlangsung di Istana Negara pagi esok sebelum baginda dimakamkan di Makam Diraja Kelang.

Rakyat boleh memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah Seri Paduka sehingga pukul 12 tengah hari.

Jenazah almarhum, yang kini ditempatkan di Istana Selangor akan dimandi dan dikafankan sebelum disemahyangkan di Masjid Negara pagi esok.

Semua masjid dan surau di seluruh negara diminta mengadakan majlis tahlil selepas solat Terawih mulai malam ini hingga Rabu depan.

Menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Penerangan, semua masjid di Wilayah Persekutuan akan mengadakan majlis tahlil khas selepas solat Jumaat pada Jumaat ini.

Rakyat dari semua lapisan dan keturunan melahirkan rasa sedih yang amat mendalam dengan kemangkatan baginda yang terkenal sebagai seorang raja yang suka merendah diri dan begitu rapat dengan mereka.

Dewan Rakyat yang bersidang hari ini turut merakamkan rasa amat dukacita dan sedih terhadap kemangkatan Sultan Salahuddin.

Ucapan takziah juga diterima daripada luar negara termasuk Ratu Elizabeth dan Presiden Singapura, S.R. Nathan.

-- BERNAMA

TM AZZ PR